

Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia

Universiti Putra Malaysia Alumni Association


Persatuan Alumni UPM (PAUPM), Off Lebu Silikon, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

☎ 603-8946 7242 / 7243 / 7244 ✉ alumniupm@gmail.com 🌐 www.alumniupm.my 📘 Persatuan Alumni Upm Paupm



Rujukan : PAUPM/CORRES/SINAR2025/23-25/25
Tarikh : 21 April 2025

Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Pejabat Naib Canselor,
Aras 6, Blok Selatan,
Bangunan Canselori,
Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu,
Sabah



YBhg. Prof.,

MAKLUMAN DAN JEMPUTAN KE SEMINAR INDUSTRI NANAS ANTARABANGSA 2025 (SINAR2025)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) akan menganjurkan Seminar Industri Nanas Antarabangsa 2025 (SINAR2025) seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 27, 28 dan 29 Jun 2025 (Jumaat hingga Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang
Tempat : Hotel Thistle, Johor Bahru

3. Untuk makluman pihak YBhg. Prof., seminar ini diadakan bertujuan untuk memperkukuh jaringan kerjasama antara penggiat industri, agensi kerajaan dan institusi akademik. Di samping itu, seminar ini juga menjadi platform penting untuk membincangkan hala tuju serta inovasi dalam industri nanas di peringkat tempatan dan antarabangsa. Selaras dengan matlamat negara dalam mempergiat pembangunan industri pertanian yang mampan dan berdaya saing, seminar ini bakal menjadi medan untuk menilai situasi semasa industri nanas, mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi dalam aspek penanaman, pengeluaran serta pemasaran sekali gus memperkasakan potensi industri ini secara menyeluruh.

4. Untuk pengetahuan pihak YBhg. Prof. juga, seminar ini mendapat sokongan padu daripada beberapa rakan strategik antaranya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Saudagar Nanas Agrofarm, Rompine Integrated Pineapple Industries Sdn. Bhd. (RIPI) dan Agrobank. Sebagai kemuncak acara, majlis perasmian akan disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Seterusnya, Ahli Jawatankuasa Seminar ini turut disertai oleh wakil daripada pelbagai institusi dan agensi, termasuk LPNM, Fakulti Pertanian UPM, Pusat Pertanian Putra UPM, Pusat Transformasi Universiti UPM, MARDI,



FAMA, Jabatan Pertanian Malaysia serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

5. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Prof. dengan segala hormatnya dijemput untuk menghantar wakil institusi sama ada dalam kalangan pensyarah, penyelidik mahupun pelajar prasiswazah/pascasiswazah yang terlibat dalam bidang pertanian dan agroindustri bagi menyertai seminar ini.

6. Bersama-sama ini dilampirkan bahan promosi dan maklumat lanjut berkaitan seminar untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Prof. selanjutnya. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi urus setia SINAR2025 pada talian 012-7847290 (Dr. Siti Zaharah) atau melalui e-mel: szaharah@upm.edu.my.

Segala bentuk kerjasama dan sokongan daripada pihak institusi YBhg. Prof. amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang menjalankan tugas,

DATO' RAIHAN SHARIF
Presiden
Persatuan Alumni UPM
Sesi 2023-2025



PENGIKLANAN DAN PAMERAN

Yuran pengiklanan adalah seperti berikut:

JENIS IKLAN	RM
Bahagian Dalam Muka Depan	RM5,000.00
Bahagian Luar Muka Belakang	RM5,000.00
Bahagian Dalam Muka Belakang	RM3,000.00
Muka Surat Penuh	RM1,000.00
Separuh Muka Surat	RM500.00
Selitan Iklan	RM300.00

PENGIKLANAN DAN PAMERAN

Ruang 2m x 2m, 1 palam elektrik, 2 meja, 2 kerusi

PAKEJ TAJAAN

PLATINUM	3 Peserta, 1 Booth, 1 Muka Surat Penuh Iklan (RM10,000)
EMAS	2 Peserta, 1 Booth, 1 Muka Surat Penuh Iklan (RM8,000)
PERAK	1 Peserta, 1 Booth ATAU 1 Muka Surat Penuh Iklan (RM5,000)
GANGSA	1 Peserta, Separuh Muka Surat Iklan (RM3,000)

PENDAFTARAN

Peserta : RM700.00
Alumni UPM : RM650.00
Pelajar : RM350.00
(Tidak termasuk penginapan)



MAHASISWA SINTI UNTUK PENDAFTARAN

RAKAN STRATEGIK



PENCERAMAH UTAMA

Status terkini industri nenas di Malaysia	Agensi
Teknik pembiakan dan varieti nenas baharu (kulturvar)	Agensi
Amalan agonomi dalam pengeluaran nenas (penanaman, perosak dan penyakit)	Universiti dan ASEAN
Teknologi inovatif dalam pembangunan produk hiliran nenas untuk kegunaan tempatan dan eksport	Industri dan Universiti
Pemprosesan dan pemasaran nenas di Malaysia	Industri
Pemodenan dan pendigitalan dalam industri nenas	Industri
Pembangunan sosial dalam industri nenas	Industri
Pengurusan sisa nenas	ASEAN dan Universiti
Agropelancongan	Industri
Sesi Panel: Industri Nanas Menuju Pasaran Eksport Antarabangsa	LPNM, Pengeluar, Pengeksport dan Pemproses Nanas

Nota:
Penceramah Antarabangsa akan dijemput dari rantau ASEAN.

PENGANJUR

PERSATUAN ALUMNI UPM (PAUPM)
03-9769 7242/7243/1255

PENGANJUR BERSAMA

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
07-236 1211/1012

umum@mplb.gov.my | <https://www.mplb.gov.my>



SINAR 25 SEMINAR INDUSTRI NANAS ANTARABANGSA 2025

Kuantiti Lokal

Kualiti Global

BERSEMPENA
DENGAN



27-29 JUN 2025
HOTEL THISTLE
JOHOR BAHRU

PENGENALAN

Industri nanas Malaysia terus berkembang dengan sokongan kuat daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan kerajaan yang menyasarkan pertumbuhan yang ketara. Negara ini merancang untuk mengembangkan 18,570 hektar ladang nanas, kepada 20,000 hektar menjelang 2025, terutama di Sarawak dan Sabah yang menawarkan potensi pertanian yang luas.

Perkembangan ini adalah sebahagian daripada matlamat untuk meningkatkan pengeluaran nanas daripada 440,848 tan metrik kepada 700,000 tan metrik setiap tahun dengan tumpuan pada varieti seperti nanas MD2, yang amat popular di pasaran eksport seperti China, Jepun dan Korea. Untuk memenuhi permintaan ini, MPPB memfokuskan kepada penggunaan teknologi dan automasi dalam bidang pertanian amnya dan industri nanaskhususnya. Pada 2024, varieti baharu yang dikenali Sarawak Gold (SG1) yang mempunyai masa tempoh penuaian yang lebih singkat iaitu sembilan bulan untuk meningkatkan lagi produktiviti. Industri ini menyasarkan peningkatan tahunan sebanyak 14% di kawasan perladangan, yang berpotensi meletakkan Sarawak sebagai pengeluar nanas utama Malaysia. Jumlah eksport Malaysia telah berkembang, melalui peningkatan dalam penghantaran lebih 1,000 kontena setiap tahun oleh LPNM. Pertumbuhan ini dijangka berterusan, dengan pelaburan tambahan dan sokongan daripada peringkat persekutuan dan negeri untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam pasaran nanas diperingkat global dengan jaminan kualiti di peringkat lokal.



OBJEKTIF

1 Menilai status dan cabaran semasa dalam pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran nanas

2 Berkongsi teknologi untuk amalan terbaik dalam pengeluaran nanas

3 Membangunkan varieti dan kultivar baharu dalam industri nanas

4 Menyediakan platform untuk pemain industri membincangkan dan merangka strategi dalam rantaian nilai nanas.

5 Memperkukuh strategi untuk meningkatkan pengeluaran nanas untuk kegunaan tempatan dan eksport; dan

6 Meningkatkan kesedaran tentang pembangunan produk hiliran dalam industri nanas.

PANGGILAN POSTER

Penghantaran kertas kerja poster yang bersifat teknikal atau separa teknikal, peserta dikehendaki menghantar abstrak lanjutan tidak melebihi 2,000 patah perkataan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.

Abstrak lanjutan ini hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Sainifik dan Teknikal sebelum 30 April 2025.

Abstrak yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dimasukkan ke dalam buku program.



Untuk format kertas kerja imbas QR kod.

Poster hendaklah dalam Saiz Potret A1 (841 mm x 594 mm) mengandungi Pengenalan, Bahan dan Kaedah, Kesimpulan, Perbincangan, Kesimpulan dan Rujukan mengikut kreativiti masing-masing.

TOPIK

1 Amalan budaya dan agronomi untuk mengoptimalkan pengeluaran nanas

2 Pengurusan perosak dan penyakit pada nanas

3 Pengalaman industri dalam penanaman dan pengeluaran nanas (aplikasi teknologi, pemasaran dan agropelancongan)

4 Teknologi terkini (inovasi, pendigitalan, pemodenan) dalam penanaman dan pengeluaran nanas

5 Teknologi dalam pembangunan produk hiliran nanas.

ADVERTISING & EXHIBITIONS

Advertising fees are as follows:

ADVERTISEMENT TYPE	RM
Inside Front Page	RM5,000.00
Rear Exterior	RM5,000.00
Inside Back Page	RM3,000.00
Full Page	RM1,000.00
Half Page	RM500.00
Advertisement Insertion	RM300.00

EXHIBITION EQUIPMENT:

Room 2m x 2m, 1 plug elektrik, 2 tables, 2 chairs

SPONSORED PACKAGE

PLATINUM	3 Participants, 1 Booth, 1 Full Page Advertisement (RM10,000)
GOLD	2 Participants, 1 Booth, 1 Full Page Advertisement (RM8,000)
SILVER	1 Participant, 1 Booth OR 1 Full Page Advertisement (RM5,000)
BRONZE	1 Participant, Half Page Advertisement (RM3,000)

REGISTRATION

Participants : RM700.00
UPM alumni : RM650.00
Students : RM350.00
(Does not include accommodation)



SCAN HERE FOR REGISTRATION

STRATEGIC PARTNERS



MAIN SPEAKERS

The present status of the pineapple industry in Malaysia	Agency
Propagation techniques and new pineapple varieties (cultivars)	Agency
Agronomy practices in pineapples production (planting, pest and disease)	University and ASEAN
Innovative technology in pineapples downstream products development for local use and export	Industry and University
The processing and marketing of pineapple in Malaysia	Industry
Modernization and digitization in the pineapple industry	Industry
Social development in pineapple industry	Industry
Pineapple waste management	ASEAN and University
Agrotourism	Agrotourism
Panel Session: Pineapples Industry Towards International Export Market	MPIB, Pineapple's Producer, Exporter and Processor

Note:
International Speaker will be invited from the ASEAN Region.

ORGANISER

PERSATUAN ALUMNI UPM (PAUPM)
03-9769 7242/7243/1255

CO-ORGANISER

LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
07-236 1211/1012
urnum@mplb.gov.my | <https://www.mplb.gov.my>



SINAR 25 INTERNATIONAL PINEAPPLE INDUSTRY SEMINAR 2025

Local Quantity

Global Quality

IN CONJUNCTION WITH




27-29 JUNE 2025

THISTLE HOTEL
JOHOR BAHRU

INTRODUCTION

The Malaysian pineapple industry continues to grow with strong support from the Malaysian Pineapple Industry Board (MPIB) and the government targeting significant growth. The country now plans to expand 18,570 hectares of pineapple plantations, to 20,000 hectares by 2025, especially in Sarawak and Sabah which offer vast agricultural potential.

This development is part of the aim to increase pineapple production from 440,848 metric tons to 700,000 metric tons annually with a focus on varieties such as MD2 pineapples, which are very popular in export markets such as China, Japan and Korea. To meet this demand, MPIB focuses on the use of technology and automation in the field of agriculture in general and the pineapple industry in particular. In 2024, a new variety known as Sarawak Gold (SG1) which has a shorter harvest period of nine months to further increase productivity. The industry is targeting an annual increase of 14% in plantation area, potentially positioning Sarawak as Malaysia's leading pineapple producer. Malaysia's export volume has grown, through an increase in shipments of over 1,000 containers annually by MPIB. This growth is expected to continue, with additional investment and support from the federal and state levels to strengthen Malaysia's position in the pineapple market on a global scale with the guarantee of sufficient quantities at the local level.



OBJECTIVES

- 1 Assess the present status and challenges in pineapple production, processing and marketing
- 2 Share the technologies for best practices in pineapple production
- 3 Develop new varieties and cultivars in the pineapple industry
- 4 Provides a platform for the industry players to discuss and formulate strategies in the pineapple value chain.
- 5 Strengthen strategies to increase pineapple production for local consumption and export; and
- 6 Raise awareness about downstream product development in the pineapple industry.

CALL FOR POSTER

Submission of technical or semi-technical poster papers, participants are required to submit an extended abstract of no more than 2,000 words in English or Malay.

This extended abstract must be sent to the Scientific and Technical Committee before April 30, 2025.

Abstracts received after the closing date will not be included in the program book.



For paper format scan QR code.

Posters should be in A1 Portrait Size (841 mm x 594 mm) containing Introduction, Materials and Methods, Results, Discussion, Conclusions and References according to their respective creativity.

TOPICS

- 1 The cultural and agronomic practices to optimise pineapple production
- 2 Pest and disease management on pineapple
- 3 The experiences of the industry in cultivation and production of pineapple (technology application, marketing and agrotourism)
- 4 Latest technologies (Innovation, digitization, modernization) in cultivation and production of pineapple
- 5 Technologies in the development of pineapple downstream products.